

17/12/1999

Pembangunan bandar, desa diseimbangkan

GEORGETOWN, Khamis - Keseimbangan pembangunan bandar dan luar bandar serta mencari punca kemerosotan sokongan pengundi Melayu terhadap Barisan Nasional adalah agenda utama yang akan diberi perhatian segera oleh Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang yang baru, Datuk Dr Hilmi Yahaya.

Dr Hilmi berkata, tugas itu turut membabitkan penyelarasan beberapa projek infrastruktur seperti Lebuhraya Jelutong, Lingkaran Luar Butterworth, Lingkaran Luar Pulau Pinang dan Jambatan Pulau Pinang Kedua.

"Semua projek itu masih memerlukan perhatian untuk kerja bina semula. Rakyat sudah menunggu sekian lama dan kita perlu selesaikan dengan secepat mungkin," kata Dr Hilmi yang ditemui selepas majlis angkat sumpah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) Negeri di kediaman rasmi Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir, di sini, pagi ini.

Di samping dilantik sebagai Timbalan Ketua Menteri, Dr Hilmi juga memegang portfolio Agama, Hal Ehwat Tanah serta Perancangan dan Penyelarasan Program Pembangunan.

Menurut Dr Hilmi, beliau juga tidak akan lupa atau mengabaikan masalah rakyat yang dianggap remeh, termasuk yang disuarakan oleh golongan nelayan dan petani.

"Masalah mereka adalah masalah kita juga kerana mereka adalah penyokong kita yang meletakkan kita di sini.

"Oleh kerana itu juga kita mesti berikan perhatian dan tumpuan yang sama untuk semua projek baik yang besar mahu pun yang kecil," jelas Dr Hilmi sambil menambah bahawa perhatian yang sama rata itu juga kelak dapat mengurangkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat.

Katanya, tugas untuk mencari punca kemerosotan undi masyarakat Melayu untuk mengekalkan kerajaan Barisan Nasional (BN) pula amat berat dan memerlukan kerjasama semua pihak.

"Kita perlu kaji apakah masalah utama orang Melayu sehingga ada yang tidak mahu lagi menyokong kerajaan. Kita akan lihat, analisa dan cuba selesaikannya segera, sebaik-baiknya sebelum pilihan raya umum yang akan datang," katanya.

Dr Hilmi juga kini dilantik menjadi Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pemandu, Unit Penyelarasan dan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (JKP).

Sementara itu, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini mengarahkan semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) mengisytiharkan harta masing-masing.

Beliau berkata, mereka diberikan tempoh dua bulan mulai hari ini untuk berbuat demikian.

"Semua 10 Exco itu, termasuk tiga anggota baru perlu mengisytiharkan harta mereka kepada saya," katanya.

Koh berkata, beliau sendiri akan mengisytiharkan hartanya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sedikit masa lagi.

Menurutnya, mesyuarat serta-merta itu untuk memberikan tumpuan sepenuhnya dari segi masa, tenaga dan usaha untuk menjalankan tugas terutama dalam merangsang ekonomi negeri serta mempertingkatkan kualiti hidup rakyat.

"Antara isu dan cabaran besar yang hendak diberikan perhatian segera ialah penebatan banjir, pengurusan lalu lintas, perumahan dan mewujudkan sebuah masyarakat penyayang serta menarik golongan muda menyertai proses rundingan bersama pemimpin kerajaan.

"Yang penting kami akan memastikan golongan muda turut serta dalam

proses pembangunan negeri dengan cara lebih aktif dan berkesan lagi," katanya sambil menegaskan bahawa agenda peribadinya masih tidak berubah iaitu untuk mencapai Wawasan 2020 pada tahun 2010.

"Pulau Pinang memang berpotensi untuk berbuat demikian berdasarkan kepada pembangunan rancak yang dialaminya sejak 10 tahun kebelakangan ini," kata Koh.

(END)